

PENYUKUAN VOKAL TINGGI DALAM BAHASA KERINCI: ANALISIS TEORI FONOLOGI AUTOSEGMENTAL

(The Syllabification of High Vowels in the Kerinci Language: An Autosegmental Phonological Analysis)

Nur Farakhanna Mohd Rusli*
farakhanna@fbk.upsi.edu.my

Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Adi Yasran Abdul Aziz
adi@upm.edu.my

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.

Pengarang koresponden (*Corresponding author*): *

Rujukan artikel ini (*To cite this article*): Nur Farakhanna Mohd Rusli & Adi Yasran Abdul Aziz. (2022). Penyukuan vokal tinggi dalam bahasa Kerinci: Analisis teori fonologi autosegmental. *Jurnal Bahasa*, 22(2), 223–250. [https://doi.org/10.37052/jb22\(2\)no3](https://doi.org/10.37052/jb22(2)no3)

Peroleh: <i>Received:</i>	29/4/2022	Semakan: <i>Revised</i>	23/6/2022	Terima: <i>Accepted:</i>	12/8/2022	Terbit dalam talian: <i>Published online:</i>	31/10/2022
------------------------------	-----------	----------------------------	-----------	-----------------------------	-----------	--	------------

Abstrak

Makalah ini bertujuan menjelaskan proses penyukuan vokal tinggi /i/ dan /u/ pada posisi nukleus suku kata dalam bahasa Kerinci. Dalam bahasa tersebut, vokal /i/ dan /u/ yang menduduki posisi nukleus akan mengalami perubahan bunyi contohnya bunyi /i/, /u/, /is/ dan /us/ akan direalisasikan sebagai [aj], [aw], [ajh] dan [awh]. Bagi menjelaskan perubahan yang berlaku, analisis tentangnya akan dijelaskan dengan menggunakan Teori Fonologi Autosegmental (Goldsmith, 1976/1990). Terdapat tiga gagasan utama dalam teori tersebut, iaitu proses penghubung, nyah hubung dan penyebaran fitur. Perubahan yang berlaku terhadap vokal tinggi dapat dijelaskan berdasarkan proses penyukuan semula menurut model skeletal KV oleh McCarthy (1981). Data kajian terdiri daripada sumber sekunder dan primer yang diperoleh melalui tiga kaedah, iaitu kaedah kepustakaan, pemerhatian

dan temu bual. Instrumen yang digunakan dalam proses pengumpulan data terdiri daripada alat perakam, borang soal selidik dan buku catatan. Dalam kajian ini, informan terdiri daripada lima lelaki dan lima wanita berusia 50 tahun dan ke atas yang merupakan penutur Kerinci dialek Semerap yang lahir di Kabupaten Kerinci, Sumatera Barat, Indonesia. Namun begitu, informan telah lama menetap di Kampung Batu 21 Sungai Lui, Hulu Langat, Selangor lebih daripada 30 tahun. Hasil kajian menunjukkan vokal tinggi /i/ dan /u/ yang berada di nukleus suku kata akhir akan dihubungkan dengan nodus koda dan direalisasikan sebagai bunyi geluncuran [j] dan [w]. Malah, analisis penyukuan vokal tinggi di koda juga telah dapat menjelaskan penyisipan vokal [a] dalam output kata [mã.taj] “mati”, [sa.taw] “satu”, [tu.lajh] “tulis” dan [ku.rawh] “kurus” berdasarkan model skeletal KV model McCarthy (1981).

Kata kunci: Bahasa Kerinci, penyukuan vokal tinggi, koda, struktur suku kata, fonologi autosegmental

Abstract

The aim of this article is to explain the syllabification of high vowels /i/ and /u/ at the nucleus position in the Kerinci language. In this language, the high vowels /i/ and /u/ at the nucleus position will undergo changes—for example, /i/, /u/, /is/ and /us/ will be realized as [aj], [aw], [ajh] and [awh]. In order to explain the phonological processes, each problem was analyzed using the theory of autosegmental phonology (Goldsmith, 1976, 1990). There are three processes involved in the theory, namely linking, delinking and features spreading. The phonological modifications involving the high vowels can be adequately explained based on the process of syllabification that is couched in the CV skeletal model of McCarthy (1981). The data for this study were obtained through three different methods, namely library research, observation and interviews. The instruments used in this study were a recorder, questionnaires and notebooks. The informants selected for this study comprised five men and women who are aged 50 years and above, who are native speakers of Kerinci Semerap dialect, and were born in Kabupaten Kerinci, West Sumatera, Indonesia. However, they have been living in Kampung Batu 21 Sungai Lui, Hulu Langat, Selangor, for more than 30 years. The finding showed that the high vowels /i/ and /u/ at the nucleus of word final syllable are linked to the coda nodes and surfaces as the glides [j] and [w]. Thus, the analysis of the syllabification of

high vowels at the coda position explains the application of vowel [a] in the output of words such as [mã.taj] “dead”, [sa.taw] “one”, [tu.lajh] “write” and [lu.rawh] “straight” based on the CV skeletal model of McCarthy (1981).

Keywords: Kerinci language, syllabification of high vowels, coda, syllable structure, autosegmental phonology

PENGENALAN

Bahasa Kerinci merupakan salah satu bahasa sukuan yang berasal dari Indonesia dan penutur asalnya boleh ditemui di Kabupaten Kerinci, Jambi, Sumatera Barat. Di Malaysia, penutur bahasa Kerinci boleh ditemui di negeri di sebelah pantai Semenanjung seperti di Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Perak, Selangor dan Kuala Lumpur. Namun begitu, dalam konteks kajian ini, masyarakat Kerinci yang akan diberikan tumpuan ialah masyarakat Kerinci yang tinggal di Kampung Sungai Lui, Hulu Langat, Selangor. Di lokasi tersebut, penduduknya didominasi oleh masyarakat Melayu dan hampir keseluruhan daripadanya merupakan individu berketurunan Kerinci daripada generasi pertama, kedua, ketiga dan berikutnya (termasuklah pengkaji sendiri).

Perlu dijelaskan bahawa kewujudan masyarakat Kerinci di Malaysia sejak tahun 1920-an didorong oleh faktor penarik yang ada di Tanah Melayu, terutama dari aspek ekonomi, selain faktor penolak di tempat sendiri, iaitu kesan daripada penjajahan Belanda. Bagi Asmah (2015), perpindahan masyarakat Kerinci dan masyarakat Nusantara lain tidak boleh dianggap sebagai diaspora seperti pelarian orang Israel dari tanah asal ke seluruh pelosok dunia. Sebaliknya, perpindahan masyarakat Nusantara lebih kepada perubahan tempat dalam geolinguistik dan geobudaya sendiri, iaitu berpindah daripada suatu mukim ke mukim yang lain, dan bukannya merujuk pelarian daripada suatu malapetaka.

Dari segi dialek, terdapat lebih daripada 80 jenis dialek dalam bahasa Kerinci Kerinci seperti dialek Pondok Tinggi, Semurup, Lempur Danau, Rawang, Semerap dan sebagainya (Jakub, 1958). Dalam kajian ini, dialek yang diberikan tumpuan ialah dialek Semerap. Menurut Ernanda (2015), setiap dialek mempunyai sebutan yang berbeza-beza. Sebagai contoh, perkataan “gadis” diujarkan sebagai [ga.doyh] (BK dialek Sungai Penuh), [ga.dlehh] (BK dialek Tanjung Pauh Mudik) dan [ga.doht] (BK

dialek Koto Pudung). Perkataan “garam” pula diujarkan sebagai [ga.hua/ (BK dialek Pondok Tinggi), [ga.hu.yə] (BK dialek Koto Tuo) dan [ga.hin] (BK dialek Dusun Baru). Tambah beliau, perbezaan sebutan antara dialek dalam bahasa Kerinci ini sangat kecil kerana terletak pada cara perkataan disebut dan bukan terhadap penggunaan istilah, nama benda, susunan ayat dan intonasi.

Selain perbezaan antara dialek, perbezaan juga wujud terhadap ujaran penutur Kerinci di Indonesia dengan penutur Kerinci di Malaysia. Keadaan seperti ini dijelaskan oleh Mohammad Fadzeli *et al.* (2017) yang berpendapat bahawa perbezaan paling ketara adalah dari segi fonologi, iaitu apabila penutur bertutur mengikut gaya sebutan bahasa Melayu. Ertinya, wujud perbezaan ujaran antara penutur Kerinci asal di Indonesia dengan penutur Kerinci yang telah lama menetap di Malaysia. Hal ini berlaku disebabkan penutur Kerinci di Malaysia telah berasimilasi dengan bahasa dan budaya masyarakat tempatan, khususnya bahasa dan budaya masyarakat Melayu. Oleh yang demikian, kajian ini akan menetengahkan perbezaan sebutan tersebut terutama yang melibatkan vokal tinggi /i/ dan /u/ yang berada pada posisi koda kata dalam bahasa Kerinci.

PERNYATAAN MASALAH

Dalam bahasa Kerinci, terdapat proses fonologi yang tidak membenarkan vokal [+tinggi], iaitu /i/ dan /u/ menduduki posisi nukleus suku kata akhir. Sebagai contoh, hasil kajian Nova dan Fadlul (2016) ada mengemukakan data seperti kata /api/, /laku/, /sisik/ dan /mulut/ yang diujarkan sebagai [apai] “api”, [lakaw] “laku”, [si.sojʔ] “sisik” dan [mũ.lawʔ] “mulut”. Berdasarkan data, vokal /i/ dan /u/ yang berada di nukleus suku kata akhir akan direalisasikan sebagai bunyi geluncuran [j] dan [w]. Andaian vokal tinggi menduduki posisi nukleus dikenali sebagai vokal tinggi, manakala jika vokal tinggi menduduki posisi koda atau onset dikenali sebagai konsonan geluncuran dirujuk daripada kajian Teoh (1994) dan Zaharani (2013).

Seperti yang dijelaskan oleh Teoh (1994), perbezaan antara vokal tinggi dengan konsonan geluncuran dapat ditafsirkan pada tingkat struktur suku kata. Baginya, segmen [+tinggi] dan [–konsonan] yang berada pada posisi onset akan direalisasikan sebagai geluncuran, manakala pada posisi nukleus pula akan direalisasikan sebagai vokal tinggi. Andaian ini ditambah dengan pandangan oleh Zaharani (2013) dalam kajiannya yang menjelaskan bentuk output [waji] “wangi” dan [kuju] “kuyu”

direalisasikan daripada bentuk input /uani/ dan /kuiu/. Menurut Zaharani (2013:62), perubahan tersebut dapat dijelaskan melalui "... Penyukuan semula dengan menghubungkan vokal tinggi ke kedudukan onset suku kata berikutnya". Hal ini bermaksud vokal tinggi /i/ dan /u/ yang berada pada posisi nukleus dihubungkan dengan nodus onset suku kata berikutnya untuk menghasilkan output [wani] dan [kuju] yang merepresentasikan konsonan geluncuran [w] dan [j].

Sungguhpun demikian, penjelasan tentang perubahan vokal tinggi /i/ dan /u/ kepada konsonan geluncuran [w] dan [j] tidak dibincangkan secara berpada dalam bahasa Kerinci kerana kebanyakan kajian sebelum ini lebih berfokus pada usaha mencari pasangan minimal, bunyi yang penyebarannya saling melengkapi, varian atau bunyi yang berkelainan bebas yang lebih bersifat sains pengelasan. Menurut Chomsky (1965), terdapat tiga tahap yang perlu dicapai dalam sesuatu kajian linguistik, iaitu kepada pemerhatian (*observation adequacy*), kepada pemerian (*descriptive adequacy*) dan kepada penjelasan (*explanatory adequacy*). Daripada ketiga-tiga tahap tersebut, tahap kepada penjelasan merupakan peringkat analisis tertinggi yang mendasarkan kajian kepada prosedur penemuan selain mampu merumuskan satu teori umum yang lebih luas atau sejagat secara deduktif mengenai struktur bahasa-bahasa dunia (Chomsky, 1957).

Oleh itu, keadaan yang menghalang vokal tinggi /i/ dan /u/ hadir pada posisi nukleus suku kata akhir dalam bahasa Kerinci akan dijelaskan dari segi struktur suku kata berdasarkan teori fonologi autosegmental, dengan menggunakan kerangka analisis model skeletal KV oleh McCarthy (1981). Pada masa yang sama, analisis bertujuan menghasilkan rumus fonologi autosegmental yang dapat menunjukkan proses penyukuan vokal tinggi di nukleus suku kata akhir dalam bahasa Kerinci, sekali gus menjelaskan sebab proses fonologi tersebut berlaku.

Kajian ini dijalankan bagi mencapai dua objektif yang berikut, iaitu: Menjelaskan proses penyukuan vokal tinggi /i/ dan /u/ yang berada di nukleus suku kata kepada [aj] dan [aw] dalam bahasa Kerinci berdasarkan model skeletal KV dalam teori fonologi autosegmental dan menjelaskan proses penyukuan vokal tinggi /is/ dan /us/ kepada [ajh] dan [awh] dalam bahasa Kerinci berdasarkan model skeletal KV dalam teori fonologi autosegmental.

SOROTAN LITERATUR

Hasil kajian lalu menunjukkan terdapat dua pendekatan yang digunakan untuk menganalisis sistem bunyi bahasa Kerinci, yaitu non-linguistik dan linguistik. Pendekatan non-linguistik tidak menggunakan teori dan tidak dilakukan secara saintifik. Pendekatan linguistik pula terbagi kepada dua, yaitu struktural dan fonologi generatif. Dalam pendekatan fonologi generatif, terdapat dua jenis model analisis, yaitu analisis model linear dan analisis model non-linear.

Dari segi pendekatan non-linguistik, transliterasi dokumen olah Reijn (2001) ada menunjukkan kata seperti “aku”, “nanti”, “iaitu” dan “hari” dieja sebagai *akau*, *nantej*, *yaitoh* dan *ahai*. Berdasarkan data tersebut, vokal /i/ dan /u/ di koda dan onset suku kata tidak dikekalkan sebagai vokal tinggi sebaliknya mengalami penggeluncuran dan direalisasikan sebagai [j] dan [w]. Oleh sebab kajian tersebut merupakan usaha transliterasi dokumen, maka analisis tentang perubahan yang berlaku tidak dibincangkan.

Dari segi pendekatan linguistik yang terbagi kepada pendekatan struktural dan fonologi generatif pula, pendekatan struktural seperti yang diterapkan dalam kajian Nova dan Fadlul (2016) menjelaskan bahasa Kerinci mempunyai alternasi rima seperti {-ay/-oy}, {-aw/-iw} dan {-ayh/-uy} yang menunjukkan kehadiran segmen geluncuran [j] dan [w] dalam kata-kata G (*G-words*) dan kata-kata K (*K-words*). Namun begitu, kajian tersebut tidak membincangkan proses perubahan yang berlaku sebaliknya tertumpu pada aspek distribusi segmen dalam kata dan perbandingan sebutannya dengan bahasa lain.

Seterusnya, seperti yang dijelaskan sebelum ini, pendekatan fonologi generatif terbagi kepada analisis linear dan non-linear. Berdasarkan analisis linear, kajian Amir Hakim (1988) ada mengemukakan bunyi seperti /ei, eu, ϵ u, ou, i, ai, au/ contohnya kata “lebih”, “sabun”, “abu”, “sepatu”, “rajin”, “kunci” dan “konon” yang dieja sebagai /lebeyh/, /sabewn/, /abew/, /sapatow/, /rajɔyn/, /kuncaj/ dan /kunawn/. Berdasarkan data, beliau telah dapat membezakan penghubungan vokal tinggi dengan nodus koda. Selain itu, terdapat juga kata seperti /tulis/ dan /kurus/ yang diujarkan [nũ.lajh] “tulis” dan [ku.rawh] “kurus” yang menunjukkan vokal /i/ dan /u/ di akhir kata akan direalisasikan sebagai [aj] dan [aw].

Dalam kajian Adi Yasran *et al.* (2014), perubahan bunyi /is/ dan /us/ kepada [ajh] dan [awh] di akhir kata dijelaskan berdasarkan atur rumus, iaitu rumus yang mengubah bunyi vokal perlu dilaksanakan terlebih dahulu dan kemudian diikuti oleh proses debukalisasi. Namun begitu,

hasil kajian tersebut boleh dikembangkan dengan menggunakan analisis non-linear, iaitu melalui penghubungan atau penyukuan vokal tinggi ke koda. Proses yang berlaku boleh dijelaskan berdasarkan model skeletal KV yang terdapat dalam teori autosegmental yang sekali gus mewajarkan kajian ini dilakukan.

Dari segi analisis non-linear, kajian Ernanda (2011) menunjukkan kata seperti “debu” dan “penjual” diujarkan sebagai [debew] dan [pandzuwa] yang merealisasikan /i/ dan /u/ kepada [j] dan [w]. Namun begitu, kajian beliau yang tertumpu pada penggunaan kata *absolute* dan *oblique* dalam kalangan penutur generasi tua dan muda telah menyebabkan perbincangan tentang perubahan yang berlaku tidak dijelaskan secara berpeda. Dalam teori autosegmental, perubahan tersebut ditangani oleh proses penggeluncuran. Dari segi analisis struktur suku kata, perubahan tersebut ditangani melalui penghubungan vokal tinggi dengan nodus margin (onset dan koda) yang sekali gus mewajarkan kajian ini dilakukan, iaitu untuk menjelaskan perubahan yang berlaku berdasarkan templat suku kata KV.

METODOLOGI

Kajian ini menerapkan tiga jenis kaedah dalam proses pengumpulan data, iaitu kaedah kepustakaan, pemerhatian dan temu bual. Kaedah kepustakaan digunakan dengan merujuk sumber bertulis seperti disertasi, jurnal, buku akademik dan sebagainya untuk mencari maklumat yang berkaitan dengan kajian, sama ada dari segi kelompangan kajian terdahulu yang mewajarkan kajian ini dilakukan, atau pandangan para sarjana bagi mengulas atau mengukuhkan data tentang isu yang dikaji. Kaedah pemerhatian pula dilakukan dengan menerapkan teknik pemerhati sebagai peserta, iaitu pengkaji berada di lokasi kajian untuk bertemu dengan informan bagi melihat penggunaan bahasa Kerinci yang dituturkan oleh informan.

Bagi kaedah temu bual, terdapat dua jenis temu bual yang digunakan, iaitu temu bual berstruktur dan tidak berstruktur. Kaedah temu bual berstruktur digunakan untuk mendapatkan maklumat demografi informan. Kaedah temu bual berstruktur digunakan kerana informan berusia 50 tahun ke atas menghadapi kesukaran untuk membaca. Oleh itu, pengkaji bertanyakan soalan satu demi satu berpandukan soal selidik yang disediakan dan mencatatkan jawapan yang diberikan oleh informan. Kaedah temu bual tidak berstruktur pula digunakan untuk mencatatkan maklumat yang tidak diberikan informan. Contohnya, terdapat kata yang

tidak diujarkan dalam bentuk kata terbitan. Oleh itu, kaedah ini digunakan dengan bertanyakan soalan untuk mengenal pasti cara sebutan yang tepat (Sulaiman, 2003).

Dari segi instrumen, buku catatan, alat perakam dan borang soal selidik telah digunakan. Buku catatan digunakan untuk merekodkan maklumat yang tidak dapat direkod dengan menggunakan alat perakam terutamanya data yang diperolehi melalui kaedah kepustakaan. Alat perakam pula digunakan untuk merekodkan pertuturan informan sepanjang kaedah pemerhatian dan temu bual dilaksanakan bertujuan memudahkan rujukan dan penganalisisan data. Borang soal selidik yang dibina bagi kajian ini terbahagi kepada dua, iaitu berstruktur (demografi) dan tidak berstruktur (pandangan tentang penggunaan bahasa Kerinci dalam kalangan generasi muda dan perkataan yang tidak diujarkan informan). Setiap data berkaitan dengan demografi akan diproses dalam bentuk jadual. Data yang berkaitan dengan ujaran pula diterjemahkan dalam bentuk transkripsi (ejaan, fonemik, fonetik). Bagi Zuraidah dan Tam (2016), data dalam bentuk transkripsi penting untuk melihat perbezaan antara sifat asal bahasa (yang dikemukakan dalam bentuk nota atau catatan) dengan cara persembahan data (bentuk transkripsi).

Seterusnya, kajian ini merupakan suatu kajian kes, iaitu kajian intensif yang menjelaskan satu atau beberapa kes yang spesifik terhadap unit kecil sosial (Othman, 2013). Oleh itu, sepuluh orang informan telah dipilih yang terdiri daripada lima lelaki dan lima wanita. Informan merupakan penutur Kerinci dialek Semerap yang tinggal di Kampung Batu 21 Sungai Lui, Hulu Langat, Selangor. Pemilihan informan dikhususkan dalam kalangan individu yang lahir di Desa Semerap, Kabupaten Kerinci, Sumatera Barat, Indonesia. Informan juga dipilih dalam kalangan individu yang telah lama tinggal di Malaysia, iaitu dalam jangka masa 30 tahun ke atas, serta berumur dalam lingkungan 50 tahun ke atas. Pengkhususan ini dilakukan bertujuan mendapatkan bahasa Kerinci yang konvensional kerana Asmah (2015) berpendapat generasi tua lebih cenderung mempertahankan bahasa asal, manakala generasi muda lebih cenderung mengubah cara pengucapan melebihi perubahan yang ditimbulkan oleh masyarakat terdahulu.

Menurut Nor Hashimah *et al.* (2017), suatu kajian yang bersifat penjelasan (*explanatory*) memperuntukkan data yang diperolehi dianalisis secara saintifik, empirikal serta dihuraikan dengan penjelasan yang teliti. Bagi menjelaskan proses penyukuan vokal tinggi di akhir kata dalam

bahasa Kerinci, maka data yang ditranskripsi secara fonemik dan fonetik akan dianalisis dengan menggunakan teori fonologi autosegmental (Goldsmith, 1976/1990), yang merupakan salah satu pendekatan yang terdapat dalam aliran fonologi generatif model linear. Berdasarkan teori tersebut, terdapat dua kaedah analisis, (i) geometri fitur model Halle (1992) dan (ii) model skeletal KV McCarthy (1981). Oleh sebab proses penyukuan vokal tinggi melibatkan perubahan struktur suku kata, maka model skeletal KV McCarthy (1981) digunakan kerana model tersebut dapat menjelaskan rumus berkaitan dengan suku kata seperti kemunculan bunyi geluncuran.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Sejajar dengan objektif kajian, perbincangan dalam bab ini akan menjelaskan tentang proses penyukuan vokal tinggi yang berlaku dalam bahasa Kerinci. Terdapat empat jenis perubahan bunyi yang melibatkan vokal tinggi /i/ dan /u/ yang berada di nukleus suku kata seperti yang diringkaskan dalam pernyataan berikut:

- i. Perubahan /i/ kepada [aj] (Contoh: /mati/ → [mã.taj] “mati”)
- ii. Perubahan /u/ kepada [aw] (Contoh: /satu/ → [sa.taw] “satu”)
- iii. Perubahan /is/ kepada [ajh] (Contoh: /tulis/ → [nũ.lajh] “tulis”)
- iv. Perubahan /us/ kepada [awh] (Contoh: /kurus/ → [ku.rawh] “kurus”)

Penyataan di atas menunjukkan kekangan (halangan atau syarat) yang tidak membenarkan vokal tinggi /i/ dan /u/ berada di nukleus suku kata akhir. Kekangan tersebut dirumuskan seperti yang berikut:

1. Syarat vokal tinggi di nukleus suku kata akhir bahasa Kerinci
*N(K)#

|
[tinggi]

Rumus 1 bermaksud vokal tinggi /i/ dan /u/ tidak dibenarkan berada di nukleus suku kata akhir kerana kedua-dua vokal akan direalisasikan sebagai bunyi geluncuran [j] dan [w] pada peringkat output. Rumus 1 penting sebagai kayu ukur atau syarat yang tidak membenarkan kehadiran vokal tinggi di lingkungan nukleus suku kata akhir dalam bahasa Kerinci. Ketidakpatuhan terhadap rumus ini dalam analisis akan menyebabkan kegagalan dalam penghasilan output yang tepat selain bercanggah dengan ujaran sebenar informan. Bagi menjelaskan proses fonologi yang berlaku, perbincangan seterusnya akan menjelaskan perubahan vokal tinggi /i/ dan /u/ kepada bunyi geluncuran [j] dan [w] secara satu persatu supaya analisis lebih mudah difahami.


Objektif 1: Proses Penyukuan Vokal Tinggi /i/ dan /u/ di Nukleus Suku Kata kepada [aj] dan [aw]

Jadual 1 Perubahan /i/ dan /u/ kepada [aj] dan [aw].


Bentuk ejaan	Bunyi pada peringkat input	Bentuk fonemik	Bunyi pada peringkat output	Bentuk fonetik
“mati”		/mati/		[mã.taj]
“pergi”	[i]	/pərgi/	[aj]	[pə.gaj]
“kunci”		/kuntʃi/		[kun.tʃaj]
“laki”		/laki/		[la.kaj]
“satu”		/satu/		[sa.taw]
“penyapu”	[u]	/pəpapu/	[aw]	[pə.nã.paw]
“lampu”		/lampu/		[lam.paw]
“kayu”		/kaiu/		[ka.jaw]

Berdasarkan Jadual 1, vokal tinggi /i/ dan /u/ yang berada di nukleus suku kata akhir akan direalisasikan sebagai bunyi diftong [aj] dan [aw]. Yang berikut dijelaskan perubahan yang berlaku dengan menggunakan contoh kata /mati/ yang direalisasikan sebagai [mã.taj] “mati”.


(a) Representasi dalaman




(b) Rumus penghubungan vokal tinggi ke koda




(c) Pembentukan geluncuran



(d) Penyisipan vokal /a/ secara *default*



(e) Struktur permukaan



(f) Bentuk fonemik: [mã.taj]

Rajah 1 Proses perubahan kata /mati/ kepada [mã.taj].

Dalam bahasa Melayu, vokal /i/ yang berada di suku kata akhir terbuka kekal dibunyikan sebagai [i] contohnya perkataan “mati”, “hati” dan “lari” diujarkan sebagai [mã.ti], [ha.ti] dan [la.ri]. Namun begitu, berbeza dengan fonologi bahasa Kerinci, vokal /i/ di kedudukan yang sama diujarkan sebagai bunyi diftong [aj] contohnya [mã.taj], [a.taj]

dan [la.haj]. Bagi menjelaskan bagaimana perubahan tersebut berlaku, proses dalam Rajah 1 dinyatakan untuk menunjukkan proses fonologi yang berlaku secara kronologi daripada bentuk struktur dalaman hingga kepada struktur permukaan.

Bagi proses (1a), walaupun peringkat segmen kata /mati/ berstruktur suku kata terbuka, namun tingkat skeletal kata tersebut dikemukakan sebagai KVK kerana dalam bahasa Kerinci, kebanyakan suku kata akhirnya berstruktur KVK. Dalam rumus (1) sebelum ini, vokal tinggi disyaratkan tidak boleh hadir di nukleus suku kata akhir. Oleh itu, proses (1b) menunjukkan vokal tinggi /i/ di suku kata akhir dinyahhubungkan daripada nukleus dan kemudiannya dihubungkan dengan koda. Proses penghubungan yang berlaku tidak dianggap menyalahi syarat rumus (1) kerana vokal tinggi di nukleus dihubungkan serentak dengan konsonan yang mengikutinya di koda. Oleh itu, garis penghubung akan bercabang dan hal ini melanggar syarat perhubungan. Dengan mengingkari syarat perhubungan, maka penghubungan dalam proses (1b) tidak mengingkari syarat nukleus vokal tinggi seperti yang dikemukakan dalam rumus (1).

Dalam proses (1c) pula, pembentukan geluncuran telah berlaku. Menurut Mataim (2007), “*High vowels may not associate to margin nodes*”. Oleh itu, segmen berfitur [+tinggi] yang menduduki posisi margin suku kata (onset dan koda) akan direalisasikan sebagai bunyi geluncuran [j] dan [w]. Malah, Halle (1992) berpendapat segmen [+tinggi] yang dihubungkan dengan nukleus akan direalisasikan sebagai [i, u], manakala segmen [+tinggi] yang dihubungkan dengan nodus margin akan direalisasikan sebagai bunyi geluncuran [j, w]. Seterusnya, rumus (1b) sebelum ini menunjukkan proses nyah hubung vokal /i/ yang berada di nukleus. Dalam bahasa Kerinci, kata “mati” tidak diujarkan sebagai *[mã.tij] sebaliknya [mã.taj]. Output *[mã.tij] tidak tepat dan hal ini mempunyai hubung kait dengan sonoriti. Berdasarkan Skala Sonoriti (*Sonority Scale*), Sherwin (1999) menjelaskan bunyi vokal dan geluncuran mempunyai tahap kenyaringan yang paling tinggi seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2.


Lebih nyaring		Kurang nyaring		
Vokal	> Geluncuran	> Likuida	> Frikatif	> Hentian

(Sumber: Sherwin, 1999:56)

Rajah 2 Skala kenyaringan.

Berdasarkan Rajah 2, vokal dan geluncuran merupakan segmen yang sonoros kerana kedua-duanya berada pada tahap kenyaringan yang paling tinggi. Berdasarkan prinsip SONFALL (*Sonority Fall*), bunyi diftong harus mempunyai penurunan dari segi tahap sonoriti (Rosenthal, 1994). Malah, Zaharani (1998) menjelaskan, “...*the sonority of the first vowel must be greater than the sonority of the second vowel*”. Oleh itu, bunyi [ij] dalam output *[mä.tij] tidak tepat. Berdasarkan prinsip SONFALL, vokal /i/ dalam output *[mä.tij] perlu dinyahhubung kerana tidak mempunyai perbezaan tahap sonoriti dengan konsonan geluncuran [j] kerana kedua-duanya ialah bunyi nyaring. Proses nyah hubung tersebut akan menyebabkan gatra V menjadi kosong. Kekosongan tersebut perlu diisi oleh segmen vokal untuk menepati struktur suku kata dasar bahasa Kerinci, iaitu KVK yang mensyaratkan semua suku kata harus mempunyai vokal.

Oleh yang demikian, proses *default* dilaksanakan dalam (1d) dengan menyisipkan vokal rendah /a/ di gatra V yang kosong. Oleh sebab bunyi diftong perlu memiliki tahap perbezaan sonoriti atau kenyaringan, maka vokal /a/ lebih relevan disisipkan berbanding vokal-vokal lain kerana vokal /a/ lebih sonoros seperti yang ditunjukkan dalam rajah berikut:



(Sumber: Gordon *et al.*, 2012:3)

Rajah 3 Tahap kenyaringan bunyi vokal.

Berdasarkan Rajah 3, vokal rendah /æ/ dan /a/ lebih nyaring jika dibandingkan dengan vokal tinggi /i/ dan /u/. Namun begitu, oleh sebab bahasa Kerinci mempunyai satu vokal rendah, iaitu vokal /a/, maka vokal ini dipilih untuk disisipkan secara *default* dalam proses (1d). Proses tersebut kemudiannya akan menghasilkan output [aj] yang jelas menunjukkan perbezaan tahap kenyaringan antara vokal /a/ dengan konsonan [j] kerana vokal /a/ lebih nyaring berbanding konsonan [j]. Keadaan ini bertepatan dengan prinsip SONFALL yang mensyaratkan

bunyi diftong harus mempunyai penurunan dari segi tahap sonoriti, iaitu segmen bunyi yang pertama harus lebih nyaring jika dibandingkan dengan segmen bunyi yang kedua.

Malahan juga, Zaharani dan Teoh (2006) menjelaskan bahawa jika tidak berlaku penyebaran fitur ke gatra kosong, maka proses default akan dilaksanakan. Walaupun proses *default* bersifat *ad hoc*, namun proses tersebut memang wujud dalam sesuatu bahasa dan pengaplikasiannya adalah bebas kos (*cost free*). Pada peringkat akhir perbincangan, diftong [aj] dalam kata [mã.taj] “matai” akan dapat dihasilkan seperti yang ditunjukkan dalam proses (1e). Proses yang sama turut berlaku terhadap vokal tinggi /u/ yang berada di nukleus suku kata akhir seperti perkataan “satu”, “lampu” dan “kayu” yang akan direalisasikan sebagai bunyi [aw] dan menghasilkan output [sa.taw], [lam.paw] dan [ka.jaw]. Rumusnya, perubahan /i/ kepada [aj] dan /u/ kepada [aw] dalam bahasa Kerinci dapat dijelaskan dari segi penghubungan vokal tinggi /i/ dan /u/ di nukleus ke koda kata yang kemudiannya menghasilkan bunyi [j] dan [w], serta penyisipan vokal rendah [a] secara *default* yang mempunyai hubung kait dengan tahap sonoriti.

Objektif 2: Proses Penyukuan Vokal Tinggi /is/ dan /us/ kepada [ajh] dan [awh]

Berdasarkan kajian Adi Yasran *et. al* (2014), konsonan /s/ yang menduduki posisi koda atau di akhir kata dalam bahasa Kerinci akan direalisasikan sebagai konsonan frikatif glotis [h]. Dalam bahasa tersebut, bukan sahaja konsonan /s/ yang mengalami perubahan, sebaliknya vokal yang mendahului konsonan /s/ turut mengalami perubahan bunyi. Berdasarkan data, vokal tinggi /i/ dan /u/ yang mendahului konsonan /s/ di akhir kata akan direalisasikan sebagai [j] dan [w]. Proses fonologi yang berlaku akan menyebabkan bunyi /is/ di rima akhir kata direalisasikan sebagai [ajh] dan bunyi /us/ direalisasikan sebagai [awh] seperti Jadual 2.

Berdasarkan Jadual 2, bunyi /is/ dan /us/ di rima akhir kata dalam kata dasar direalisasikan sebagai [ajh] dan [awh]. Namun begitu, dalam kata terbitan yang menerima imbuhan akhiran, vokal /i/ direalisasikan sebagai [e], manakala vokal /u/ direalisasikan sebagai [o]. Dalam Jadual 2 juga, data direpresentasikan sebagai /tulis/, /tulis-an/, /kurus/ dan /pəN+kurus-an/ dengan memilih varian yang berakhir dengan vokal /i/


Jadual 2 Data perubahan vokal /i/ dan /u/ apabila diikuti oleh konsonan /s/.

Kata tunggal				Kata terbitan	
Bentuk fonemik	Bentuk fonetik	Bentuk Ejaan	Bentuk fonemik	Bentuk fonetik	Bentuk ejaan
/tulis/	[nũ.lajh]	“tulis”	/tulis-an/	[tu.le.san]	“tulisan”
/baris/	[ba.rajh]	“baris”	/baris-an/	[ba.re.san]	“barisan”
/kəmpis/	[kəm.pajh]	“kempis”	/pəN+kəmpis-an/	[pə.ŋəm.pe.san]	“pengempisan”
/habis/	[a.bajh]	“habis”	/pəN+habis-an/	[pə.ŋā.be.san]	“penghabisan”
/kurus/	[ku.rawh]	“kurus”	/pəN+kurus-an/	[pə.ŋũ.ro.san]	“pengurusan”
/hiŋus/	[i.ŋāwh]	“hingus”	/hiŋus-an/	[i.ŋō.san]	“hingusan”
/halus/	[a.lawh]	“halus”	/halus-i/	[ha.lo.si]	“halusi”
/tərus/	[tə.rawh]	“terus”	/məN+tərus-i/	[mḥ.nḥ.ro.si]	“menerusi”


dan /u/ sebagai varian dasar berbanding varian yang berakhir dengan bunyi /aj/ atau vokal /e/, dan bunyi /aw/ atau vokal /o/. Vokal tinggi /i/ dan /u/ dipilih kerana vokal tinggi ini menepati kriteria yang perlu ada pada suatu segmen dasar dan perbincangan tentangnya akan dikaitkan dengan perubahan /is/ kepada [ajh] dan /us/ kepada [awh] yang berlaku pada rima akhir kata dalam analisis ini.

Berdasarkan data, perubahan /is/ kepada [ajh] dan /us/ kepada [awh] menunjukkan kehadiran segmen geluncuran [j] dan [w] yang direpresentasikan pada peringkat output. Dalam teori autosegmental, analisis yang berkaitan dengan suku kata seperti kemunculan bunyi geluncuran perlu dijelaskan dengan menggunakan model skeletal KV. Hal ini untuk menunjukkan proses penghubungan antara segmen vokal dan konsonan dalam satu struktur suku kata dengan lebih jelas dan berpeda. Yang berikut dijelaskan perubahan yang berlaku dengan menggunakan contoh kata /tulis/ yang direalisasikan sebagai [tu.lajh] “tulis”:


(a) Representasi dalaman




(b) Proses debukalisasi




(c) Rumus penghubungan vokal tinggi ke koda



(d) Pembentukan geluncuran dan penyisipan vokal /a/ secara *default*



(e) Struktur permukaan



(f) Bentuk fonetik: [tu.lajh]

Rajah 4 Proses perubahan kata /tulis/ kepada [tu.lajh]

Proses (4b) menunjukkan konsonan /s/ di koda mengalami proses debukalisasi dan direalisasikan sebagai segmen frikatif glotis [h]. Dalam sistem bunyi bahasa Kerinci, konsonan /s/ mempunyai tidak dibenarkan hadir pada posisi koda dan kekangan ini dikawal oleh proses debukalisasi yang mengenyahhabungkan fitur daerah konsonan tersebut daripada nodus akar. Apabila proses tersebut berlaku, maka konsonan /s/ akan kehilangan nodus daerah (*place*) lalu menyebabkannya kehilangan daerah artikulasi oral.

Seterusnya, proses (4c) menunjukkan vokal tinggi /i/ di suku kata akhir dinyahhubungkan daripada nukleus dan dihubungkan dengan koda suku kata. Hal ini bagi mematuhi kekangan syarat nukleus vokal tinggi di suku kata akhir dalam rumus (1) yang tidak membenarkan vokal tinggi berada pada posisi tersebut. Proses penghubungan tersebut tidak menyalahi kekangan syarat nukleus dalam rumus (1) kerana vokal /i/ di nukleus suku kata dihubungkan serentak dengan konsonan yang berada di koda. Maka, garis penghubung akan bercabang dan hal ini melanggar syarat perhubungan. Dengan mengingkari syarat perhubungan, maka proses penghubungan dalam proses (4c) tidak mengingkari syarat nukleus vokal tinggi seperti yang dinyatakan dalam rumus (1).

Proses fonologi yang berlaku diikuti dengan pembentukan geluncuran seperti yang ditunjukkan dalam proses (4d). Dalam fonologi, segmen berfitur [+tinggi] yang berada di nodus nukleus akan direalisasikan sebagai vokal tinggi /i/ dan /u/. Namun begitu, apabila berada di nodus margin, iaitu onset dan koda, segmen berfitur [+tinggi] akan direalisasikan sebagai bunyi geluncuran sekali gus menjelaskan pembentukan konsonan geluncuran [j] dalam proses (4d).

Seterusnya, proses (4c) sebelum ini menunjukkan nyah hubung vokal /i/ yang berada di nukleus suku kata. Dalam bahasa Kerinci, kata “tulis” tidak diujarkan sebagai *[tu.lijh] sebaliknya [tu.lajh]. Seperti yang dijelaskan dalam perbincangan sebelum ini, keadaan ini mempunyai hubung kait dengan tahap sonoriti. Berdasarkan prinsip SONFALL, output *[ij] tidak mempunyai perbezaan sonoriti kerana vokal /i/ dan bunyi geluncuran [j] mempunyai tahap kenyaringan yang sama. Oleh sebab dua segmen dengan tahap kenyaringan yang sama tidak dibenarkan untuk mematuhi prinsip tersebut, maka vokal /i/ dinyahhubungkan dan proses tersebut akan menyebabkan gatra V pada posisi nukleus suku kata menjadi kosong.

Bagi mengisi kekosongan tersebut, maka proses *default* dengan menyisipkan vokal rendah /a/ dilakukan seperti yang ditunjukkan dalam proses (4d). Kewajaran penyisipan vokal /a/ adalah kerana vokal /a/ lebih sonoros berbanding konsonan dengan geluncuran [j]. Malah, vokal rendah /a/ juga lebih sonoros jika dibandingkan dengan vokal tengah dan vokal tinggi seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3, sekali gus bertepatan dengan prinsip SONFALL seperti yang dibincangkan sebelum ini. Pada peringkat akhir perbincangan, bunyi [ajh] dalam kata [tu.lajh] “tulis” akan dapat dihasilkan seperti dalam proses (4e).

Dalam output [tu.lajh] “tulis”, nodus kodanya diisi oleh dua segmen, iaitu [j] dan [h]. Menurut Hayes (1989), output sedemikian menunjukkan fenomena fonologi yang dinamakan sebagai pemberatan melalui posisi (*weight by position*). Hayes (1995) menjelaskan suatu suku kata boleh terdiri daripada suku kata berat (*heavy syllables*) dan suku kata ringan (*light syllables*). Terdapat beberapa kriteria yang dapat menentukan suatu suku kata berat atau ringan. Dalam bahasa Latin misalnya, Hayes (1995) menjelaskan suku katanya menjadi berat apabila diisi oleh vokal panjang dan jika suku katanya merupakan suku kata tertutup. Bagi Rosenthal & Van Der Hulst (1999) yang mengkaji bahasa Chugach, suku kata dianggap berat jika berada pada suku kata tertutup dalam kata bersifat disilabik. Selain itu, kedua-duanya menambah, “*whereas non-initial vowels and diphthong in {mu.lú.kú:t.} (if you take a ling time) and {pa.lú.liá.qa.} (the fish pie I’m making) do attract strees (p. 507)*”.

Berdasarkan pendapat tersebut, maka bunyi [ajh] di akhir kata dalam bahasa Kerinci boleh dianggap sebagai suku kata berat. Dalam hal ini, penghubungan vokal /i/ ke nodus koda suku kata akan menghasilkan output *[ij]. Namun begitu, disebabkan faktor sonoriti, vokal /i/ dinyahhubungkan dan gatra V kosong vokal tersebut disisipkan dengan vokal [a] lalu menghasilkan output [aj] yang merupakan salah satu faktor yang menentukan suatu suku kata itu sebagai suku kata berat.

Dalam hal ini, output [aj] dianggap sebagai suku kata berat kerana mempunyai ciri diftong yang menurut Hayes (1995) dan Rosenthal & Van Der Hulst (1999) merupakan salah satu kriteria yang menyebabkan suatu suku kata mempunyai tekanan. Seterusnya, gabungan output [aj] dengan konsonan [h] yang lalu menghasilkan bentuk fonetik [ajh] juga akan menghasilkan suku kata berat berdasarkan posisinya yang berada di suku kata tertutup (*weight of closed syllables*).

Dari segi pemilihan varian dasar, terdapat tiga segmen yang boleh dicalonkan sebagai varian dasar, iaitu vokal /i/, vokal /e/ dan segmen /aj/. Namun begitu, kajian ini memilih vokal /i/ untuk direpresentasikan sebagai varian dasar seperti /tulis/, /baris/, /pəN+kəmpis-an/ dan /pəN+habis-an/. Sebagai pertimbangan pertama, jika varian yang berakhir dengan segmen /aj/ dipilih sebagai varian dasar, maka bentuk fonemik data dalam jadual di atas seharusnya mempunyai representasi dalaman seperti */tulajs/, */barajs/, */pəN+kəmpajs-an/ dan */pəN+habajs-an/.

Pemilihan segmen tersebut juga memerlukan satu rumus untuk menjelaskan perubahan /aj/ kepada [e] apabila bergabung dengan

imbuan akhiran untuk menghasilkan kata terbitan. Namun begitu, rumus tersebut tidak dapat diformalisasikan kerana dalam teori autosegmental, satu representasi fitur hanya boleh diwakili oleh satu segmen sahaja sedangkan /aj/ terdiri daripada dua segmen. Ertinya, pemilihan segmen /aj/ sebagai varian dasar tidak munasabah kerana dua segmen tidak boleh dikemukakan dalam satu representasi fitur. Oleh sebab tidak menepati kriteria yang seharusnya ada pada suatu segmen dasar, maka segmen /aj/ tidak relevan dipilih untuk direpresentasikan pada peringkat dalaman bahasa Kerinci.

Sebagai pertimbangan kedua, jika varian yang berakhir dengan vokal /e/ dipilih sebagai varian dasar, maka data dalam jadual di atas harus mempunyai representasi dalaman seperti */tules/, */bares/, */pəN+kəmpes-an/ dan */pəN+həbes-an/. Selain itu, pemilihan vokal tersebut memerlukan satu rumus untuk menjelaskan perubahan /e/ kepada [aj] dalam bentuk kata dasar. Namun begitu, rumus tersebut tidak dapat diformalisasikan kerana sistem fonologi bahasa Kerinci mempunyai rumus penyukuan vokal tinggi yang merealisasikan vokal /i/ kepada geluncuran [j], dan bukannya daripada /e/ kepada [j]. Ertinya, perubahan /e/ kepada [aj] sukar diramal sekali gus tidak bersifat alamiah kerana tidak menunjukkan motivasi fonologi yang dapat menjelaskan perubahan /e/ kepada [aj], khususnya segmen [j] yang lebih munasabah direalisasikan daripada vokal tinggi /i/. Oleh sebab itu, vokal /e/ juga tidak relevan dipilih sebagai varian dasar.

Sebagai pertimbangan ketiga, data dalam Jadual 2 merepresentasikan vokal /i/ sebagai varian dasar seperti /tulis/, /baris/, /pəN+kəmpis-an/ dan /pəN+həbis-an/ walaupun data tidak menunjukkan realisasi fonetik vokal [i] pada struktur permukaan. Dalam kes ini, varian yang berakhir dengan vokal /i/ dipilih kerana rumus yang merealisasikan /i/ kepada [j] boleh diramal, iaitu melalui penghubungan vokal tinggi di nukleus kepada nodus koda suku kata.

Di samping itu, pemilihan vokal /i/ juga mempunyai ciri kebolehmramalan dari segi formalisasi rumus yang menjelaskan perubahan /i/ kepada [e] dalam bentuk kata terbitan seperti kata [tu.le.san] dan [pə.ŋã.be.san]. Dalam hal ini, perealisasikan vokal /i/ di suku kata akhir tertutup kepada [e] merupakan proses fonologi yang alamiah yang ditangani oleh rumus perendahan vokal seperti yang dijelaskan oleh Teoh (1994).

Oleh sebab itu, varian yang berakhir dengan vokal /i/ lebih sesuai dan relevan direpresentasikan sebagai segmen dasar kerana rumus yang berlaku terhadapnya dapat membuat ramalan yang tepat tentang proses alternasi yang berlaku. Malah, rumus yang melibatkan perubahan vokal /i/ kepada [aj] dan [e] juga mempunyai ciri kealamiah yang bertujuan memudahkan ujaran. Tambahan juga, Zaharani dan Teoh (2006) menjelaskan bahawa berdasarkan kecenderungan universal inventori vokal (*universal tendencies in vowel inventories*), pemilihan vokal /i/ sebagai dasar adalah lebih natural berbanding dengan vokal /e/.

Begitu juga halnya dengan vokal tinggi /u/. Kajian Adi Yasran *et al.* (2014) ada menjelaskan tentang perubahan bunyi /us/ di rima akhir kata dalam bahasa Kerinci kepada bunyi [awh] berdasarkan analisis model linear. Dalam analisis berdasarkan fonologi generatif standard ini, tugas memberi penjelasan tentang suatu generalisasi linguistik dan proses formalisasinya adalah berdasarkan input rumus tulis semula (*input-based rewrite rules*) daripada input atau bentuk dalaman (Nur Farakhanna *et al.*, 2015). Berdasarkan kajian Adi Yasran *et al.* (2014), perubahan /u/ kepada [aw] diformalisasikan dalam satu tingkat representasi seperti yang berikut:


$$2. u \rightarrow aw / _ s \#$$

(Sumber: Adi Yasran *et al.*, 2014:238)

Rumus (2) menjelaskan vokal tinggi /u/ akan direalisasikan sebagai [aw] apabila diikuti oleh konsonan /s/ di akhir kata. Perubahan tersebut berlaku disebabkan proses penyebaran fitur oleh vokal /u/ yang kemudiannya menghasilkan dua bentuk fonetik yang berbeza, iaitu [a] dan [w]. Pada masa yang sama, perubahan tersebut turut menerapkan analisis model non-linear atau teori fonologi autosegmental untuk menjelaskan proses penyebaran fitur yang berlaku seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 5.

Berdasarkan Rajah 5, Adi Yasran *et al.* (2014) berpendapat vokal /u/ yang direpresentasikan pada peringkat dalaman mengalami perendahan vokal dan direalisasikan sebagai [a]. Bagi segmen geluncuran [w] pula, kehadirannya dipengaruhi oleh vokal /u/ dengan kedua-duanya berkongsi fitur yang sama, iaitu [+tinggi] dan [+bundar]. Namun demikian, perubahan vokal tinggi /u/ kepada vokal rendah [a] tidak jelas dari

segi motivasi fonologinya, dan sebab perubahan tersebut berlaku tidak dijelaskan. Selain itu, anggapan bahawa kehadiran bunyi geluncuran [w] yang dimanifestasikan daripada vokal /u/ adalah munasabah, namun sebab kemunculan [w] dalam representasi tersebut tidak dibincangkan dan perlu dijelaskan secara berpadu.



Rajah 5 Penyebaran fitur /u/.

(Sumber: Adi Yasran *et al.*, 2014:238)

Seterusnya, pendekatan dalam analisis linear menformalisasikan perubahan bunyi yang berlaku dalam satu tingkat representasi menurut format $A \rightarrow B / X _ Y$ dengan lingkungan A dan B hanya boleh diwakili oleh satu segmen sahaja. Namun begitu, rumus (6), iaitu di lingkungan B diwakili oleh dua segmen ([aw]) dan jelas menyalahi notasi standard. Oleh yang demikian, perubahan /u/ kepada [aw] dalam bahasa Kerinci lebih wajar ditangani dengan menggunakan analisis non-linear atau teori autosegmental yang mengandaikan representasi autosegmental mempunyai dua atau lebih tingkat (*tiers*) dengan setiap tingkat mempunyai segmen yang tersendiri (Goldsmith, 1990). Malah, seperti yang berlaku terhadap bunyi /is/ yang berubah kepada bunyi [ajh] yang dijelaskan pada Rajah 4 yang menerapkan teori autosegmental, persoalan mengapa dan bagaimana output [a] dan [w] dihasilkan dapat dijelaskan secara berpadu,

iaitu akibat proses penghubungan vokal tinggi /u/ ke koda dan penyisipan vokal /a/ secara *default* yang dipengaruhi oleh faktor sonoriti.

Seterusnya, dari segi pemilihan varian dasar pula, terdapat tiga segmen yang boleh dicalonkan sebagai varian dasar, iaitu vokal /u/, /o/ dan segmen /aw/. Namun begitu, Jadual 2 menunjukkan vokal /u/ direpresentasikan sebagai varian dasar seperti /kurus/, /halus-i/ dan /mən+tərus-i/ kerana vokal /u/ menepati kriteria yang seharusnya ada pada suatu segmen dasar. Sebagai pertimbangan pertama, jika varian yang berakhir dengan segmen /aw/ dipilih sebagai varian dasar, data dalam Jadual 2 seharusnya mempunyai representasi dalaman seperti */kuraws/, */halaws-i/ dan */mən+təraws-i/.

Pemilihannya juga memerlukan satu rumus untuk menjelaskan perubahan /aw/ kepada [o] apabila bergabung dengan imbuhan akhiran yang menghasilkan kata terbitan. Namun demikian, rumus tersebut tidak dapat diformalisasikan kerana dalam teori fonologi autosegmental, satu representasi fitur hanya diwakili oleh satu segmen sahaja sedangkan /aw/ terdiri daripada dua segmen. Ertinya, pemilihan /aw/ sebagai varian dasar tidak munasabah kerana melibatkan dua segmen pada peringkat dalaman yang tidak boleh dikemukakan dalam satu representasi fitur.

Sebagai pertimbangan kedua, jika varian yang berakhir dengan vokal /o/ dipilih sebagai varian dasar, maka data dalam jadual di atas seharusnya mempunyai representasi dalaman seperti */kuros/, */halos-i/ dan */mən+təros-i/. Pemilihan vokal tersebut juga memerlukan satu rumus untuk menjelaskan perubahan /o/ kepada [aw] dalam kata dasar. Namun begitu, rumus tersebut tidak dapat diformalisasikan kerana bahasa Kerinci mempunyai rumus penyukuan vokal tinggi yang merealisasikan vokal /u/ kepada [w], dan bukannya daripada /o/ kepada [w]. Malah, perubahan /u/ kepada [w] lebih natural jika dibandingkan dengan perubahan /o/ kepada [w].

Sebagai pertimbangan ketiga, data dalam Jadual 2 merepresentasikan vokal /u/ sebagai varian dasar seperti /kurus/, /halus-i/ dan /mən+tərus-i/ walaupun data tidak menunjukkan output [u] pada struktur permukaan. Dalam kes ini, varian yang berakhir dengan vokal /u/ dipilih kerana rumus yang merealisasikan /u/ kepada [w] boleh diramal melalui penghubungan vokal tinggi ke nodus margin suku kata. Malahan juga, pemilihan vokal /u/ mempunyai ciri kebolehamalan dari segi formalisasi rumus yang menjelaskan perubahan /u/ kepada [o] dalam kata terbitan seperti [pə.ŋũ.ro.san] “pengurusan” dan [ha.lo.si] “halusi”.

Seperti yang dijelaskan sebelum ini, perealisasikan vokal tinggi /u/ di suku kata akhir tertutup kepada vokal [o] telah pun dijelaskan dalam kajian Teoh (1994) yang membincangkannya dari segi rumus perendahan vokal. Berdasarkan perbincangan, varian yang berakhir dengan vokal /u/ lebih sesuai direpresentasikan sebagai segmen dasar. Malah, berdasarkan kecenderungan universal inventori vokal, pemilihan vokal /u/ sebagai dasar adalah lebih natural berbanding vokal /e/ (Zaharani dan Teoh, 2006).

Rumusannya, perubahan /is/ kepada [ajh] dan perubahan /us/ kepada [awh] di rima akhir kata dalam bahasa Kerinci telah dapat dijelaskan berdasarkan model skeletal KV. Perubahan yang berlaku telah dijelaskan dari segi proses debukalisasi, penyukuan semula vokal tinggi pada posisi nukleus ke koda suku kata, proses nyah hubung segmen, proses pembentukan geluncuran [j] dan [w], serta penyisipan vokal /a/ secara *default*. Rumusannya, analisis berdasarkan teori fonologi autosegmental telah dapat menghasilkan penjelasan yang berpada tentang perubahan /is/ kepada [ajh] dan /us/ kepada [awh] dalam bahasa Kerinci.

KESIMPULAN

Dapatan kajian menunjukkan bahasa Kerinci mempunyai syarat nukleus yang tidak membenarkan vokal berfitur [+tinggi] /i/ dan /u/ menduduki posisi nukleus suku kata akhir. Hal ini kerana kedua-dua vokal akan dihubungkan dengan nodus koda lalu direalisasikan sebagai vokal tinggi non-silabik yang direpresentasikan sebagai bunyi geluncuran [j] dan [w]. Disebabkan kekangan tersebut, maka vokal /i/ dan /u/ mengalami proses nyah hubung lalu menyebabkan gatra V menjadi kosong. Oleh sebab semua suku kata perlu mempunyai nukleus, maka satu segmen vokal perlu disisipkan ke gatra V kosong untuk membekalkan nukleus kepada suku kata tersebut. Dalam hal ini, vokal rendah [a] yang disisipkan ke gatra V kosong. Kewajaran pemilihan vokal [a] adalah berdasarkan prinsip SONFALL yang memperuntukkan dua segmen dalam satu suku kata perlu mempunyai perbezaan tahap sonoriti atau kenyaringan. Selain itu, analisis perubahan /is/ kepada [ajh] dan /us/ kepada [awh] turut menunjukkan nodus kodanya diisi oleh dua segmen, iaitu [jh] dan [wh]. Kehadiran konsonan geluncuran telah dijelaskan akibat penghubungan vokal tinggi daripada nukleus ke koda, manakala kehadiran segmen frikatif glotis [h] telah dijelaskan melalui proses debukalisasi. Dalam bahasa Kerinci, keadaan dua segmen mengisi nodus koda yang sama atau

dihubungkan pada satu gatra K dinamakan sebagai pemberatan melalui posisi. Berdasarkan perbincangan, output [ajh] dan [owh] dianggap sebagai suku kata berat berdasarkan penghasilan bunyi diftong [aj] dan [aw] serta kedudukannya yang berada di suku kata tertutup. Rumusnya, teori fonologi generatif model non-linear atau autosegmental telah dapat menjelaskan proses penyukuan vokal tinggi dalam bahasa Kerinci dari segi struktur suku kata berdasarkan model skeletal KV.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan kepada Profesor Madya Dr. Adi Yasran Abdul Aziz, YM Dr. Raja Masittah Raja Ariffin, Dr. Sharifudin Yusop dan Dr. Zaharani Ahmad yang telah memberi bimbingan dalam usaha menyelesaikan kajian ini.

RUJUKAN

- Adi Yasran, Raja Masittah Raja Ariffin, Mohd Sharifudin Yusop & Nor Farahkhanna Mohd Rusli. (2014). Pengglotisan geseran /s/ dalam bahasa Kerinci. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. 14(3), 225-242.
- Amir Hakim Usman (1988). *Fonologi dan morfologi bahasa Kerinci dialek Sungai Penuh* [Disertasi Doktor Ilmu Sastra tidak diterbitkan]. Universitas Indonesia.
- Asmah Haji Omar (2015). Kampar dalam geolinguistik dan geobudaya Melayu. *Jurnal Bahasa*, 15(2), 201-218.
- Chomsky, N. (1965). *Aspects of the theory of syntax*. Massachusetts Institute of Technology Press.
- Chomsky, N. (1957). *Syntactic structures*. The Hague.
- Ernanda (2011). *On the loss of the phrasal alternation in the Pondok Tinggi dialect of Kerinci: A stochastic optimality theory approach* [Tesis Sarjana tidak diterbitkan]. Nijmegen University.
- Ernanda (2015). Phrasal alternation in the Pondok Tinggi dialect of Kerinci an intergenerational analysis. *Wacana*, 16(2), 355-382.
- Goldsmith, J. A. (1976). *Autosegmental phonology*. Massachusetts Institute of Technology.
- Goldsmith, J. A. (1990). *Autosegmental and metrical phonology*. Basil Blackwell.
- Gordon, M., Ghushchyan, E., McDonnell, B., Rosenblum, D., & Shaw, P. A. (2012). Sonority and central vowels: A cross-linguistic phonetic study, 2012. Parker, S. (Ed.), *The sonority controversy*. pp. 219-256. Mouton de Gruyter.
- Halle, M. (1992). Phonological features. Bright, W. (Ed.). *International Encyclopaedia of Linguistics*. Vol.3. Oxford University Press.

- Hayes, B. (1989). Compensatory lengthening in moraic phonology. *Linguistic Inquiry*, 20, 253-306.
- Hayes, B. (1995). *Metrical stress theory: Principles and case studies*. University of Chicago Press.
- Jakub Isman (1958). *Kerinci phonology*. Indiana University.
- Mataim Bakar (2007). *The phonotactics of Brunei Malay: An optimality theoretic account*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- McCarthy, J. J. (1981). A prosody theory on nonconcatenative morphology. *Linguistic Inquiry*, 12, 373-418.
- Mohammad Fadzeli, Idris Aman & Norsimah Mat Awal (2017). Morfosintaksis dialek Negeri Sembilan dan dialek Minangkabau. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 17(2), 177-191.
- Nor Hashimah, Maizatul Hafizah Abdul Halim, Harishon Radzi, & Junaini Kasdan. (2017). Penyebaran dialek Melayu di Langkawi: Analisis geolinguistik. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 17(4), 159-178.
- Nova Rina dan Fadlul Rahman (2016). Analisis absolute dan Ooblique dalam bahasa Kerinci isolek Pulau Tengah. *Jurnal Arbitrer*, 3(2), 67-82.
- Nur Farahkhanna, Adi Yasran, Raja Masittah Raja Arifiin, Mohd Sharifudin Yusop & Saidatul Faiqah Samasu (2015). Derivasi rumus reduksi vokal dan pembentukan glotis dalam bahasa Kerinci. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 15(3), 83-97.
- Othman Talib (2013). *Asas penulisan tesis: Penyelidikan dan statistik*. Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Reijn, E. O. V. (2001). *Sijaro Panta: A folktale from Kumun, Kerinci: Text, translation, vocabulary, and sketch of Kumun phonology*. Badan Penyelenggara Seri Nusa, Universitas Katolik Indonesia Atma Jaya.
- Rosenthal, S. (1994). *Vowel/Glide alternation in a theory of constraint interaction* [Unpublish Doctoral Dissertation]. University of Massachusetts.
- Rosenthal, S. & Van Der Hulst, H. (1999). Weight by position. *Natural Language and Linguistic Theory*, 17, 499-540.
- Sherwin, S. (1999). The sonority sequencing principle in interlanguage phonology. *Working Paper in Linguistics. Vol. 6, Fall 1999*, 57-74. Editors: Hisagi, M & Bradinova, B. George Mason University: Fairfax, Virginia.
- Sulaiman Masri (2003). *Kaedah penyelidikan dan panduan penulisan: esei, proposal dan tesis*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Teoh Boon Seong (1994). *The sound system of Malay revisited*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaharani Ahmad (1998). *Phonology and morphology interface in Malay: An optimality theoretic account* [Unpublish Doctoral Dissertation]. University of Essex.
- Zaharani Ahmad & Teoh Boon Seong (2006). *Fonologi uutosegmental: Ppenerapannya pada bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Zaharani Ahmad (2013). *Aspek fonologi bahasa Melayu: Daripada derivasi rumus kepada tatatingkat kekangan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zuraidah & Tam Shu Sim (2016). Prosody and particles: A study of interaction in a Malaysian academic meeting. *3L: The Southeast Asian Journal of English Language Studies*, 22(3), 17 – 33.